

- **BIDALAN**

Bidalan merupakan sejenis **peribahasa** yang mengandungi pengajaran, peringatan dan nasihat. Biasanya, **bidalan** merupakan ungkapan yang pendek dan sering disebut orang.

Contoh-contoh **bidalan** dengan erti/maksudnya:-

- **Ada gula adalah semut.**

Ertinya: Orang akan berkumpul di tempat yang senang mencari rezeki.

- **Ada udang di sebalik batu.**

Ertinya: Mempunyai niat tertentu disebalik perbuatan yang dilakukan.

- **Air ditetak tidak akan putus.**

Ertinya: Pergaduhan atau perselisihan antara adik-beradik tidak akan berpanjangan, akhirnya mereka akan berbaik semula.

- **Air tenang jangan disangka tiada buaya.**

Ertinya: Jangan disangka orang yang pendiam itu tiada bahayanya.

- **Alah bisa tegal biasa.**

Ertinya: Pekerjaan yang susah jika selalu dilakukan akan menjadi senang.

- **Alah membeli menang memakai.**

Ertinya: Barang yang mahal dibeli itu amat baik mutunya.

- **Alang-alang mandi biarlah basah.**

Ertinya: Melakukan sesuatu pekerjaan itu sehingga selesai.

- **Belakang parang jikalau diasah akan tajam juga.**

Ertinya: Orang yang bodoh jika diajar betul-betul akan menjadi pandai juga.

- **Belum duduk sudah berlunjur.**

Ertinya: Melakukan sesuatu pekerjaan sebelum sampai masanya.

- **Biar titik jangan tumpah.**

Ertinya: Lebih baik tanggung kerugian kecil daripada menanggung kerugian besar.

- **Bumi mana yang tidak ditimpa hujan.**

Ertinya: Setiap orang tentu pernah melakukan kesalahan.

- **Genggam bara api biar sampai jadi arang.**

Ertinya: Membuat sesuatu kerja yang susah hendaklah bersabar hingga berjaya.

- **Indah khabar dari rupa.**

Ertinya: Khabar tentang sesuatu perkara biasanya dilebih-lebihkan.

- **Malas mengayuh perahu hanyut.**

Ertinya: Kalau malas berusaha, seseorang itu tidak akan dapat kesenangan.

- **Melentur buluh biar dari rebung.**

Ertinya: Mendidik anak hendaklah sejak kecil lagi.

- **Melepaskan batuk di tangga.**

Ertinya: Membuat sesuatu dengan tidak bersungguh-sungguh/ membuat sesuatu kerana terpaksa.

- **Menanam tebu di bibir mulut.**

Ertinya: Manis di mulut sahaja tetapi tidak dalam hati.

- **Mencurah garam ke laut.**

Ertinya: Memberi sesuatu yang tidak dihargai oleh si penerima/ melakukan sesuatu yang sia-sia.

- **Nasi sudah jadi bubur.**

Ertinya: Sesuatu kerosakan/kesalahan yang tidak dapat dibaiki lagi.

- **Rosak badan kerana mulut.**

Ertinya: Mendapat kesusahan kerana terlanjur kata-kata.

- **Sambil menyelam minum air.**

Ertinya: Membuat dua kerja dalam satu masa.

- **Sarang tebuan jangan dijolok.**

Ertinya: Bahaya jangan dicari.

- **Sediakan payung sebelum hujan.**

Ertinya: Hendaklah beringat-ingat sebelum mendapat kesusahan.

- **Segan bertanya sesat jalan.**

Ertinya: Orang yang tidak mahu bertanya apabila berhadapan dengan masalah akan mendapat kesusahan akhirnya.

- **Sudah jatuh ditimpa tangga.**

Ertinya: Kesusahan atau keburukan datang berturut-turut.

- **Sudah terhantuk baru tengadah.**

Ertinya: Sudah terkena baru hendak beringat-ingat.

- **Tepuk tangan sebelah tidak berbunyi.**

Ertinya: Sesuatu kejadian itu tidak mungkin berlaku daripada satu pihak sahaja.

- **Ukur baju di badan sendiri.**

Ertinya: Melakukan sesuatu hendaklah mengikut kemampuan atau kebolehan sendiri.

- **PEPATAH**

Pepatah merupakan sejenis **peribahasa** yang berangkai yang mengandungi unsur-unsur pengajaran yang hendak disampaikan.

Contoh-contoh pepatah dengan erti/maksudnya:-

- **Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.**

Ertinya: Semua yang dihajati itu dapat dicapai melalui wang.

- **Ayam terlepas, tangan bau tahi.**

Ertinya: Orang yang mahu cari keuntungan tetapi akhirnya menanggung kerugian atau malu.

- **Bagaimana acuan, begitulah kuihnya .**

Ertinya: Biasanya perangai seseorang anak itu mirip kepada perangai ibu bapanya.

- **Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.**

Ertinya: Setiap orang mengikut kehendak hati masing-masing.

- **Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian.**

Ertinya: Bersusah-susahlah dahulu supaya mendapat kesenangan pada kemudian hari.

- **Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.**

Ertinya: Betapa beratnya kita melihat kesusahan orang lain, berat lagi penderitaan itu pada orang yang menanggungnya.

- **Bercakap siang pandang-pandang, bercakap malam dengar-dengar.**

Ertinya: Berhati-hati semasa menceritakan sesuatu rahsia.

- **Biar putih tulang , jangan putih mata.**

Ertinya: Lebih baik mati daripada menanggung malu.

- **Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.**

Ertinya: Kalau hendak membuat kebaikan biarlah berpatutan, tetapi jangan sekali berbuat jahat.

- **Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.**

Ertinya: Pergaduhan antara adik-beradik tidak berpanjangan, akhirnya akan berbaik semula.

- **Diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat .**

Ertinya: Pendiam yang pandai itu berguna tetapi pendiam yang bodoh langsung tidak membawa faedah.

- **Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.**

Ertinya: Kalau seseorang itu ada cita-cita, tentu dia akan berusaha untuk mencapainya.

- **Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.**

Ertinya: Kita hendaklah mematuhi adat/peraturan tempat yang kita diami itu.

- **Enggang sama enggang, pipit sama pipit.**

Ertinya: Bercampur gaul dengan orang yang sama kedudukannya.

- **Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.**

Ertinya: Pemerintah dengan pemerintah berperang, rakyat akan susah.

- **Harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.**

Ertinya: Harapkan keuntungan besar yang belum pasti dapat, keuntungan kecil yang sedia ada dilepaskan .

- **Harapkan pagar, pagar makan padi.**

Ertinya: Orang yang diharapkan menolong kita sebaliknya membinasakan kita.

- **Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.**

Ertinya: Kita hendaklah beringat-ingat dan berijimat sebelum kehabisan apa yang kita ada.

- **Jauh bau bunga, dekat bahu tahi.**

Ertinya: Biasanya kita selalu terkenang sanak saudara yang jauh tetapi apabila mereka berada dekat, pertengkaran selalu berlaku.

- **Jerat tidak lupakan pelanduk, tetapi pelanduk lupakan jerat.**

Ertinya: Orang yang selalu menipu itu agak terlalai dengan amalan-nya tetapi orang yang kena tipu akan sentiasa berjaga-jaga.

- **Kalah jadi arang, menang jadi abu.**

Ertinya: Dalam pergaduhan sama ada sesuatu pihak kalah atau menang, kedua-dua pihak akan sama-sama menanggung rugi.

- **Kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya.**

Ertinya: Jika tidak berusaha, cita-cita tidak akan tercapai.

- **Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.**

Ertinya: Kebolehan dan kepandaian seseorang itu tidak semestinya terletak pada umur atau saiznya.

- **Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.**

Ertinya: Menunjukkan perasaan gembira menerima sesuatu bantuan.

- **Kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya.**

Ertinya: Kita mesti tunaikan setiap janji yang telah kita buat.

- **Kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan.**

Ertinya: Sesuatu kerja yang ditangguhkan itu tidak akan berhasil langsung, tetapi kerja yang dilakukan sedikit-sedikit akan selesai juga.

- **Ke tengah boleh, ke tepi pun boleh.**

Ertinya: Dapat menyesuaikan diri dalam sebarang keadaan.

- **Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan tak nampak.**

Ertinya: Kesalahan orang lain walaupun kecil nampak, tetapi kesalahan sendiri yang lebih besar tidak disedari.

- **Lain dulang lain kakinya, lain orang lain hatinya.**

Ertinya: Tiap-tiap orang mempunyai keinginan yang berbeza.

- **Lembu punya susu, sapi punya nama.**

Ertinya: Orang lain yang berusaha, orang lain yang dipuji.

- **Lepas daripada mulut harimau, masuk ke mulut buaya.**

Ertinya: Setelah lepas daripada sesuatu kemalangan, kemalangan lain menimpa pula.

- **Masuk ke kandang kambing mengembek, masuk kandang lembu menguak.**

Ertinya: Kita mesti sesuaikan diri dengan tempat dan keadaan di mana kita berada.

- **Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.**

Ertinya: Orang yang tidak mahu mendengar nasihat.

- **Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.**

Ertinya: Kita mesti berterima kasih kepada orang yang membantu kita.

- **Orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah.**

Ertinya: Orang lain yang bersalah tetapi orang lain yang dituduh.

- **Rambut sama hitam, hati lain-lain.**

Ertinya: Setiap orang mempunyai pendapat yang berbeza.

- **Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul.**

Ertinya: Bersama-sama memikul tanggungjawab sama ada besar/berat atau kecil/ringan.

- **Rupa dapat diubah, tabiat dibawa mati.**

Ertinya: Tabiat atau perangai seseorang sangat susah untuk diubah.

- **Sehari selembat benang, lama-lama jadi kain.**

Ertinya: Pekerjaan yang susah kalau dilakukan dengan sabar dan tekun, akhirnya akan berhasil juga .

- **Sekali air bah, sekali pasir berubah.**

Ertinya: Setiap kali bertukar orang yang memerintah, bertukar pula cara pemerintahannya.

- **Sekali jalan kena, dua kali jalan tahu.**

Ertinya: Setelah tertipu sekali, orang yang kena tipu akan berhati-hati pada masa lain.

- **Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.**

Ertinya: Walau bagaimana pandai sekalipun seseorang itu, ada masanya dia membuat kesilapan juga.

- **Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.**

Ertinya: Sebelum kita lakukan sesuatu perbuatan , kita hendaklah berfikir terlebih dahulu agar tidak menyesal kemudian.

- **Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.**

Ertinya: Jika kita bersalah, kita harus cepat sedar dan insaf supaya kita tidak jauh terpesong.

- **Setinggi-tinggi bangau terbang, hinggap di belakang kerbau juga.**

Ertinya: Walaupun jauh merantau, akhirnya seseorang itu akan kembali ke tempat asalnya.

- **Siapa makan lada, dia terasa pedas .**

Ertinya: Seseorang yang melakukan sesuatu yang kurang baik itu akan merasa dirinya tersindir jika hal itu disebut.

- **Takut kerana salah, berani kerana benar.**

Ertinya: Orang yang bersalah itu sentiasa takut dan orang yang tidak bersalah itu pula tidak berperasaan demikian.

- **Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.**

Ertinya: Tersilap percakapan kerap kali mendatangkan bahaya kepada diri kita.

- **Untung sabut timbul, untung batu tenggelam .**

Ertinya: Jika bernasib baik selamat, jika bernasib malang rugi jawabnya.

- **Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.**

Ertinya: Keuntungan yang diharap-harapkan itu tidak dapat sedangkan yang sedia ada hilang pula.